

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]

**TARIKH :** 28.5.2015

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah bilangan pelajar yang telah mendaftarkan diri untuk belajar di UiTM dan berikan pecahan dengan mengikut kaum; dan
- (b) berapakah bilangan pelajar asing yang mendaftar untuk belajar di UiTM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pendidikan tinggi, seramai 79,054 orang pelajar telah mendaftar masuk ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) setakat 31 Oktober 2014. Pada masa yang sama, jumlah kemasukan pelajar UiTM mengikut komposisi adalah sebanyak 92.89 peratus bumiputera, 2.75 peratus bumiputera Sarawak dan 4.34 peratus bumiputera Sabah. Selebihnya, iaitu sebanyak 0.02 peratus merupakan pelajar antarabangsa.